I : Berapakah harga yang encik tetapkan untuk menyertai kursus di bengkel encik?

THY : Pok joh *tok kisah* [tak kisah] *mano bab goni* [sangat pasal ini]. *Pado* [Pada] Pok Joh sekadar seikhlas hati *jah* [sahaja]. *Atas* [Terpulang] pelanggan lah *nok* [nak] bagi *berapo pon* [berapa pun]. Pok joh *tok kisah dio nok* [tak kisah dia nak] bayar *berapo pon* [berapa pun]. Niat pok joh *nok* [nak] turunkan ilmu dengan ikhlas *jah* [sahaja].

I : Berapakah jumlah pelajar yang menyertai kursus di bengkel encik sekarang?

THY : Rama [Ramai], anggaran dalam 20-30 orang *hok* [yang] belajar di bengkel pok joh *buat maso loni* [masa sekarang]. Bermacam-macam *meney* [permainan] *hok* [yang] pok joh ajar kepada peserta.

I : Tahun bilakah encik membuka peluang kepada masyarakat untuk belajar seni tradisional dengan encik?

THY : Tahun 90an tu *ada doh hok* [ada dah yang] mari belajar sini. Tapi, *tok rama* [tak ramai] *supo loni lah* [macam sekaranglah].

I : Adakah encik mengadakan kelas bengkel encik setiap hari minggu atau pada hujung minggu?

THY : Kelas *tok* [tak] pasti tak menentu. Ia tergantung atas individu *tu sediri* [itu sendiri], *dio nok* [nak] mari belajar masa mana. Ada *hok* [yang] *mari* [datang] hari-hari, ada *hok* [yang] mari *maley* [malam] atau *petey* [petang] pon ada. Tapi kebanyakan *hok* [yang] mari belajar pada hujung minggu lah *ramanyo* [yang ramai].

I : Adakah encik membuat kelas tersebut di bengkel ataupun di tempat lain?

THY : Bengkel, *pasalnyo* [pasalnya] senang *budok-budok* [budak-budak] *mari* [datang].

I : Adakah bengkel encik menyediakan alat untuk pelajar atau peserta?

THY : Ada, *paka mari dengey tubuh jah* [datang dengan tubuh badan sahaja]. Tapi *kalu* [kalau] serunai *dio keno* [kena] *bawok* [bawa] *sediri* [sendiri] tapi *kalu* [kalau] alat-alat lain *kito* [kita] *sedia* [sediakan].

I : Bagaimanakah perasaan encik sekiranya ada pelajar encik yang mengikuti jejak langkah encik sebagai seorang anak seni?

THY : *Suko* [suka], *pasalnyo* [pasalnya] warisan seni akan ada pengganti, ianya ada *sokmo* [selalu] *tok akan bereti sekat* [tak akan berhenti setakat] pok joh *jah* [sahaja]. Jadi, *dio* [dia] akan ajar *ko orey* [kepada orang] lain *pulok* [pula] *tok* [tak] putus lah ilmu *hok ado ni* [yang ada ini].

I : Sejauh mana harapan encik terhadap pelajar-pelajar ini dalam bidang seni tradisional ini?

THY : Bergantung atas kebolehan peserta *tu* [itu] sendiri, bermakna tahap seni *ni* [ini] atas individu bukan atas pok joh semata-mata dan juga sifat seni *dio tu setaro mano* [dia itu sejauh-mana] *tahap dio* [dia] *buleh* [boleh] naik dan turun. Rezeki *ni* [ini] kehendak tuhan, ada *hok buleh* [yang boleh] main *belako* [semua] *ado* [ada] *hok* [yang] *buleh* [boleh] main *so karo jah* [satu perkara sahaja]

I : Mengapakah encik memilih lokasi untuk mendirikan bengkel di sini?

THY : Tempat penginapan *kito* [kita], *kalu* [kalau] *demo* [awak] *nok* [nak] belajar *demo* [awak] *lah keno mari* [kena datang], *tokkey* [takkan] *kito pulok* [kita pula] *keno gi ko demo* [kena datang kepada awak]. Ibarat *kato* [kata] murid kena mari cari cikgu untuk *tuntut ilmu* [menuntut ilmu].

I : Apakah ciri ciri strategik yang ada disini sehinggakan encik memilih lokasi ini sebagai lokasi bengkel encik?

THY : Kawasan *ni sehati doh* [sefahaman sudah] *dengey* [dengan] pok joh. Dekat *dengey* [dengan] *banyok* [banyak] tempat.

BAHAGIAN 4 TAMAT

BAHAGIAN 5: SUMBANGAN DAN HARAPAN

I :Dari awal hingga sekarang boleh kami tahu apakah sumbangan Encik yang pernah sumbang kepada negeri atau negara?

THY :Sumbangan *ni* [ini] *dio* [dia] *ado* [ada] *tok kiro lah* [tak kira] kawasan *kito ko* [kita atau] jabatan *mano-mano* [mana-mana] *ko* [ke], sekolah *ko* [ke] bergantung pada *kita mampu* [kemampuan kita]. *Hok* [Yang] *mano kito* [mana kita] *buleh* [boleh] tolong *kito* [kita] tolong. *Contohnyo* [Contohnya], pembukaan Balai Polis Gelang Mas untuk dirasmikan *ni*. *Takdok pitih* [Tiada peruntukkan] untuk buat program. Jadi, pegawai atas panggil Pok Joh mesyuarat *pasalnyo* [pasalnya] *takdok* [tiada] peruntukan untuk buat majlis. Pok joh *pon oyak dio* [pun bagitahu dia], *takpo* [takpa] *pasal pitih mu jangey* [pasal duit kau jangan] *mikir* [fikir] aku *akey* [akan] tolong. Pok joh *pon mitok* [pun minta] tolong *orey kapung* [orang kampung] bagi sumbangan sebanyak RM50 setiap rumah untuk buat majlis. Untuk kebudayaan, pok joh akan urus buat untuk majlis nanti bagi *ado* [ada]. Pok Joh *guno pitih sediri* [guna duit sendiri] *sebanyak* [sebanyak] RM3000 untuk *guno* [gunakan] masa majlis *tu* [itu]. Jadi, masa majlis *tu* [itu] berlangsung dengan lancar *banyak* [banyak] persembahan *hok ado* [yang ada] dikir barat *ado* [ada], *mokyong* [makyong] ada main *bano* [rebana] *ado* [ada]. Jadi, masa *tulah* [itulah] nama Pok Joh naik sebab tolong *sek-sek dio* [mereka] buat majlis perasmian Balai Polis Gelang Mas. *Sampai key* [Sampaikan] *sek dio* [mereka] bagi anugerah sijil kepada Pok Joh atas sumbangan pada *ketiko* [ketika] itu

I :Adakah encik pernah terlibat aktiviti seni tradisional di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa?

THY : Antarabangsa pernah dapatlah juga rasa *gi* [pergi] ke negara-negara luar macam Perancis, England, Jordan dan Itali untuk membuat bengkel di sana.

I :Adakah encik pernah menyertai sebarang persembahan yang melibatkan seni tradisional Wayang Kulit?

THY :Ada, Pok Joh menyertai persembahan wayang kulit *ni* [ini].

I : Adakah encik masih aktif bergiat aktif dalam menyertai sebarang persembahan seni?

THY : *Loni* [Sekarang], *giat gitu-gitu jah* [bergiat begitu-begitu sahaja]. Kalau ada *orey* [orang] panggil, *kito* [kita] *gi* [pergi] untuk main secara suka-suka. Tak aktif *supo dulu lah* [macam dululah] sekadar isi masa terluang *jah* [sahaja].

BAHAGIAN 5 TAMAT

BAHAGIAN 6: NASIHAT DAN HARAPAN

I : Apakah harapan encik terhadap seni tradisional pada masa akan datang?

THY : Harapan pok joh memang *nok* [nak] suruh kekal lah. Pasaunya, *banyak doh* [banyak dah] seni warisan kelantan *hok* [yang] pupus dan kehilangan seni dan *jugok* [juga] budaya kerana minat anak muda semakin merosot dalam kalangan mereka.

I : Adakah encik percaya bahawa golongan belia masih berminat tentang Wayang Kulit ini

THY : Pandangan Pok Joh, masih ada *hok* [yang] minat tapi tidak ramai. Jadi, generasi *loni lah* [sekarang] kena cari pelapis-pelapis baru untuk bagi tunjuk ajar.

I : Adakah encik masih mempunyai impian yang masih belum dilaksanakan sebagai seorang pembuat Wayang Kulit?

THY : Alhamdulillah, Pok Joh rasa hampir semua impian pok joh telah wujud sepanjang Pok Joh *duduk* [berada] dalam bidang ni

I : Sekiranya encik sudah bersara, adakah encik masih berminat untuk meneruskan bengkel Seni kepada golongan remaja yang ingin menceburi bidang ini?

THY : *Kalu* [Kalau], masih ada *hok* [yang] *nok* [nak] belajar, InshaAllah Pok Joh akan teruskan.

I : Mengapakah encik berasa bahawa seni Wayang Kulit ini sangat penting untuk diwarisi oleh generasi muda supaya ia tidak lapuk ditelan zaman?

THY : Pok joh punya pendapat, penting untuk generasi 10-20 tahun akan datang untuk belajar seni warisan ni.

I : Apakah usaha yang encik lakukan untuk menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang seni Wayang Kulit?

THY : *Hok* [Yang] mula-mula sekali, minat tu kena ada dan juga kesanggupan untuk belajar benda ni sebab bukey seney [bukan senang] untuk kito [kita] mahir seni- seni tradisional ni

I : Apakah harapan encik terhadap bengkel ini sekiranya encik telah bersara pada masa akan datang?

THY : Harapnyo [Harapnya], teruskan warisan seni ni [ini] sampai akhir hayat kito. Tok berhenti sekat [setakat] Pok Joh jah (sahaja). Gitulah [Begitulah] harapan pok joh

I : Sebelum menamatkan sesi temu bual ini, adakah terdapat sebarang kata kata dari encik terhadap golongan muda mengenai Wayang Kulit ini?

THY : Pada anak-anak muda, kito [kita] kena bangga dengan seni warisan ni. Sebabnya adalah identiti hok [yang] membentuk peribadi diri kito [kita] ni [ini].

I : Apakah harapan Encik kepada orang luar sana yang tak pernah tahu tentang Wayang Kulit?

THY : Harapan pok joh, pada mereka hok [yang] tak pernah tahu tentang wayang kulit ni [ini] kena ambik [ambil] tahulah. Pasalnyo [Pasalnya] kalu [kalau] bukey [bukan] kito [kita] hok [yang] ambik [ambil] tahu sapo [siapa] lagi hok [yang] akan cakno [cakna] kepada warisan tradisional ni.

BAHAGIAN 6 TAMAT

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Haji Hamzah bin Yusoff dalam bidang Seni Tradisional Melayu Kelantan yang sudah lebih 50 tahun dalam seni warisan Tradisional ini. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbangkepadaperkembangan ilmu dalam seni warisan tradisional pada masa akan datang. Sekian, terimakasih.

BIBLIOGRAFI

- Adiguru CENDANA: Hamzah Bin Yusoff*. (2023, April 26). BASKL. Retrieved January 21, 2024, from <https://baskl.com.my/adiguru-cendana-hamzah-bin-yusoff/>
- Ghani, D. A. (n.d.). (PDF) *Wayang Kulit Kelantan: The Challenges Between Traditional and Digital Media*. ResearchGate. Retrieved January 21, 2024, from https://www.researchgate.net/publication/276036850_Wayang_Kulit_Kelantan_The_Challenges_Between_Traditional_and_Digital_Media
- Jelajah 5 negara perkenalkan seni warisan Kelantan*. (2023, October 18). Berita Harian. Retrieved January 21, 2024, from <https://pre-www.bharian.com.my/amp/hujung-minggu/kembara/2023/10/1166878/jelajah-5-negara-perkenalkan-seni-warisan-kelantan>
- MUZIK WAYANG KULIT*. (n.d.). Pemetaan Budaya. Retrieved January 21, 2024, from <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/category/culture/272>
- Wayang Kulit Kelantan*. (2020, February 27). Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Retrieved January 21, 2024, from <https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/warisan/wayang-kulit/wayang-kulit-kelantan>

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Muhammad Firdaus bin Mohamed Sohaimi dan Muhammad Ismail bin Azman telah menemubual Encik Haji Hamzah bin Yusoff. Temu bual ini dijalankan di kediaman Encik Haji Hamzah di Pasir Mas, Kelantan.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH		
0.00	Sesi temuduga bersama tokoh bermula	Rumah kediaman Pak Jah Orang hebat
0.21	Biodata dan latar belakang tokoh	
1.15	Kegiatan dalam bidang kesenian	8 tahun 9 tahun
BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG KELUARGA		
1.30	Ibu bapa Pak Jah	
2.09	Nama isteri	Isteri
6.39	Anak-anak Pak Jah	Cenderamata
BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG MINAT TOKOH DALAM SENI BUDAYA		

9.15	Tokoh menceritakan seni yang dipelajarinya	Silat Menoro Gendang Marah Kakak
11.14	Tokoh menceritakan situasi yang dihadapi ketika itu	Tidak dibenarkan Mok Yong Menoro Cucu Susah payah minat
13.58	Tokoh menceritakan tentang guru-guru beliau	Guru Tok Che Poh Musthapa Ali
16.38	Tokoh menceritakan prinsip dalam sesi pembelajaran	Prinsip Orang Mendengar Berlatih Tiup
20.28	Tokoh menceritakan tentang ketegasan guru beliau	Takut Marah Anak murid meninggal
22.38	Alatan seni pertama dipelajari	Gendang
26.19	Tokoh dengan rasa gembira menceritakan tentang keunikan silat gayong	Seni Berbeza dari yang lain Tidak boleh buat sesuka hati Tumpat Pasir Mas
27.30	Penerangan tentang serunai dari tokoh	Serunai Tak sama Irama
28.08	Tokoh menceritakan berkaitan kawan beliau	Saing Tok guru
29.22	Tokoh menerangkan tentang waktu latihan beliau dalam seni kebudayaan	Zohor Setengah jam Asar

30.40	Tokoh memberitahu tentang serunai wayang kulit	Berpeluh Tiup Serunai
32.40	Penceritaan tentang jenis kesenian yang dipelajari	Asas Semua Wayang kulit Menoro Dikir barat Rebak
34.50	Penjelasan berkaitan rebak	Boleh Tuhan Anugerah
102.24	Tokoh menjelaskan berkaitan wayang kulit	Tak buat Wayang kulit
103.29	Tokoh menjawab berkaitan kenapa memilih wayang kulit	Manfaat Masalah Cerita
105.58	Penghasilan wayang kulit	Tak buat Raja serama 3 hari
107.58	Penjelasan jenis-jenis watak wayang kulit	Ganas Takut
108.17	Musim wayang kulit	Sejarah Malam
BAHAGIAN 4: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN		
37.48	Tokoh menceritakan sejarah pendidikan beliau	Sekolah Orang tua Pandai
38.57	Tokoh menceritakan tentang kehidupan beliau sewaktu di zaman sekolah	Petani Kerja Gala
39.39	Tokoh memberitahu tentang sekolah aliran arab	Pondok Sekolah arab
40.48	Tokoh telah ditanya berkaitan jawatan yang	Tidak

	dipegang sewaktu di sekolah	Ketua darjah Sekolah Jawatan
42.00	Sokongan daripada guru-guru tokoh dalam seni kebudayaan	Sokong Ponteng Cikgu Silat
43.07	Penglibatan tokoh dalam seni kebudayaan di sekolah	Tak terlibat
46.16	Alatan seni yang dipelajari tokoh	Seni Gendang mokyong puteri
BAHAGIAN 5: SUMBANGAN DAN PENGALAMAN		
44.25	Tokoh menjelaskan pengalaman beliau dalam seni kebudayaan	Belajar Prinsip Pahit Manis
48.35	Tokoh menceritakan tentang harapan dalam seni budaya	Yakin Seni Boleh
50.29	Tokoh menerangkan tentang keangkuhan dan kesombongan yang akan terjadi	Angkuh Sombong Tak jadi
51.37	Tokoh menceritakan berkaitan harapan kepada anak-anak murid	Patuh Jangan lawan Tok guru
52.57	Tokoh menjelaskan tentang kaedah dalam mempelajari seni	Tegur Baiki
53.55	Tokoh menegaskan tentang kepentingan agama sewaktu terlibat dalam seni kebudayaan	Syirik
57.15	Tokoh menjelaskan tentang alatan seni paling diminati beliau	Kategori Minat

		Suka
58.19	Alatan seni yang paling lama untuk disiapkan	Rebak Serunai
101.09	Tokoh telah ditanyakan berkaitan pengalaman kerja beliau	Petani Kerja kampung
110.26	Tokoh menjelaskan pengalaman dalam pembuatan watak wayang kulit	Watak Baju serama Siam
111.04	Tumpuan corak dalam pembuatan wayang kulit	Warna Hijau 3 warna
112.17	Alatan dalam membuat wayang kulit	Pahat bertukang
113.17	Harga wayang kulit mengikut watak	RM 500 Mahal
121.25	Penurunan ilmu kepada pelapis	Minat
122.19	Anak-anak murid tokoh dalam seni kebudayaan	30 orang Pelapis
125.46	Perasaan kerana ada pelapis	Suka Warisan seni
BAHAGIAN 6: NASIHAT DAN HARAPAN		
132.16	Sumbangan sebagai tokoh seni	Kawasan
135.45	Tokoh memberitahu tentang kesanggupan beliau dalam seni kebudayaan	Ribu Semua
137.23	Peringkat yang dicapai dalam seni kebudayaan	Antarabangsa
139.20	Harapan tokoh dalam seni kebudayaan	Rangkuman Sejarah Kaum muda
141.14	Pelapis-pelapis seni mokyong	Boleh

		Adik guru mok yong Besut
141.50	Tokoh menceritakan tentang pelapis silat, wayang kulit	Generasi
142.30	Tokoh memberitahu tentang kepentingan kebudayaan	Dijunjung Melayu
143.10	Harapan terhadap generasi baharu	Minat Bergantung Dukung

DIARI PENYELIDIKAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
12.00 Petang -2.00 Petang	5 Oktober 2023	<p>Kami diberi penerangan oleh Puan Nurulannisa mengenai subjek IMR604 Oral Documentation serta memberi maklumat awal berkenaan tema kajian lisan pada semester ini iaitu artis veteran sama seperti tema pada semester-semester sebelumnya.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan seramai dua orang untuk satu kumpulan dan Puan Nurulannisa mengarah setiap kumpulan memilih dan mencari tokoh untuk dijadikan sebagai interviewee dalam kajian lisan.</p> <p>Puan Nurulannisa menyarankan pelajar untuk mencari tokoh yang tinggal di kawasan terdekat atau di negeri pantai timur sahaja iaitu Terengganu, Pahang, dan Kelantan bagi mengelakkan pelajar sebarang masalah seperti kos pengangkutan yang tinggi dan sebagainya.</p>	<p>Membuat catatan berkenaan tema kajian lisan dan tajuk tugas yang perlu dijalankan.</p> <p>Menentukan pasangan ahli kumpulan masing-masing.</p> <p>Mengambil maklumat berkenaan saranan pensyarah dan berusaha mencari tokoh di negeri Kelantan.</p> <p>Mencari tokoh di</p>

		Mencari tokoh di kawasan Pantai Timur iaitu Pahang, Terengganu, dan Kelantan.	platform sosial media
9.43 Pagi - 10.28 Pagi	19 Oktober 2023	<p>Puan Nurulannisa memberi makluman melalui platform <i>WhatsApp Group</i> berkenaan tema terkini kajian lisan iaitu Tokoh Warisan Budaya (Cultural Heritage) dan Tokoh Kandungan Tempatan (Local Content). Puan Nurulannisa turut berkongsi berkenaan kriteria asas bagi tokoh yang dipilih bagi kajian lisan tersebut.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk menyiapkan abstrak kajian terlebih dahulu dan menghantarnya di platform Google Classroom bagi tujuan semakan</p>	<p>Mengambil maklum berkenaan tema terkini kajian lisan.</p> <p>Berbincang dengan ahli kumpulan berkenaan tokoh yang dipilih dan mula menyediakan abstrak bagi kajian lisan.</p>
10.00 Pagi	24 Oktober 2023	<p>Kami mencari maklumat tokoh seperti nombor telefon dan alamat rumah di platform sosial media.</p> <p>Kami menjumpai tokoh untuk ditemubual. Kami menjumpai tokoh iaitu pemilik kilang mancis terkemuka di Kelantan</p>	<p>Menjumpai maklumat di platform media sosial <i>Facebook</i></p> <p>Kami diberikan maklumat oleh rakan, mengenai tokoh kami iaitu nombor telefon beliau melalui platform <i>WhatsApp</i>.</p>

2.40 Petang	27 Oktober 2023	<p>Kami menghubungi Encik Mahmod Mohd Nor untuk bertanyakan tentang hajat kami untuk menemubual beliau</p> <p>Encik Mahmod Mohd Nor bersetuju untuk ditemu bual oleh pihak kami dalam masa yang terdekat.</p>	<p>Menerangkan kepada tokoh berkenaan kajian lisan dan maklumat penting yang perlu beliau ketahui.</p> <p>Kami mengambil maklum kesudian tokoh untuk ditemu bual dan bersedia untuk sentiasa menghubungi beliau dari masa ke Encik Mahmod Mohd Nor bersetuju untuk ditemu bual oleh pihak kami dalam masa yang terdekat.</p>
8.40 Malam - 10.00 Malam	28 Oktober 2023	Kami berbincang mengenai abstrak kajian secara atas talian iaitu melalui platform <i>WhatsApp</i> .	Menyiapkan abstrak kajian dengan merujuk sumber maklumat yang diperoleh melalui carian <i>Google</i> dan platform sosial media iaitu <i>Facebook</i>
2.30 Petang	12 November 2023	Perbincangan secara atas talian mengenai soalan temu bual bagi topik Mancis dan membuat kajian berkenaan topik dengan melayari sosial media seperti <i>Facebook</i> .	Membincangkan dan menyiapkan soalan temu bual secara berkala di platform <i>Google Docs</i> .
2.00 Petang	24	Kami menghantar set soalan temu	Menghantar set soalan

	November 2023	bual di folder yang disediakan oleh Puan Nurulannisa di platform <i>Google Classroom</i>	temu bual bagi tujuan semakan sebelum ke fasa temu bual bersama tokoh.
10.00 Pagi	25 November 2023	Puan Nurulannisa memberi maklum balas dan komen berkenaan soalan temu bual yang dihantar di <i>Google Classroom</i> .	Mengambil maklum berkenaan maklum balas dan komen daripada Puan Nurulannisa serta mengambil masa untuk memperbaiki kesalahan yang terdapat set dalam soalan temu bual.
	25 November 2023 -29 November 2023	Kami berbincang mengenai proposal projek kajian lisan yang boleh disiapkan selepas menyiapkan soalan temu bual. Kami mencari maklumat berkenaan kajian bagi bahagian tinjauan literatur yang disertakan dalam proposal.	Menyiapkan proposal projek kajian lisan di platform <i>Google Docs</i> . Menyiapkan tinjauan literatur berdasarkan maklumat dan sumber rujukan yang diperoleh di Internet.
12.00 tengahari - 2.00 petang	29 November 2023	Perbincangan soalan temu bual mengenai tokoh tembikar mambong bersama dengan Puan Nurulannisa di kelas D309A.	Menghadiri kelas IMR604 pada pukul 12.00 tengahari bagi tujuan semakan soalan temubual dengan Puan Nurulannisa

		Puan Nurulannisa memberikan tunjuk ajar dan beberapa aspek serta teknik yang perlu ditekankan dalam menghasilkan soalan temu bual berdasarkan topik masing-masing.	Mencatat maklumat dan tunjuk ajar yang diberikan oleh Puan Nurulannisa bagi tujuan menambah baik soalan temu bual.
11.42 Pagi	2 Disember	Kami mencuba menghubungi Encik Mahmod Mohd Nor bagi tujuan penetapan tarikh temu bual yang bakal dijalankan	Berjaya menghubungi Encik Mahmod Mohd Nor melalui panggilan telefon
3.23 Petang	3 Disember 2023	Kami menghantar koleksi soalan temu bual bagi rujukan Encik Mahmod Mohd Noor.	Menghantar koleksi soalan temu bual di platform WhatsApp bagi tujuan rujukan Encik Mahmod Mohd Noor
1.00 Petang	5 Disember 2023	Kami dihubungi oleh Encik Mahmod Mohd Noor dan diberitahu bahawa beliau sedang sibuk dengan tugas di kilang dan juga hal-hal luar. Beliau mengatakan tidak dapat untuk di temubual atas dasar kesibukan beliau	Kami mengambil maklum tentang keadaan tersebut dan mengatakan kami boleh menunggu walaupun beliau sibuk dengan tugasnya. Kami mengambil maklum hal ini dan menghentikan perbualan.

4.25 Petang	10 Disember 2023	<p>Kami mengambil keputusan untuk menukar tokoh kajian kerana tidak mendapat sebarang makluman daripada pihak Encik Mahmod Mohd Noor. Kami juga risau projek kajian lisan ini tidak dapat disiapkan dalam waktu yang telah ditetapkan.</p> <p>Pihak Agensi Kebudayaan Negeri Kelantan memberikan dokumen biodata tokoh yang berkaitan dengan kajian. Agensi kebudayaan memberikan 3 tokoh yang boleh kami pilih untuk ditemubual.</p>	<p>Menghubungi agensi Kebudayaan Negeri Kelantan bagi mendapatkan tokoh untuk ditemubual bagi projek sejarah lisan</p> <p>Kami memilih tokoh yang bernama Encik Haji Hamzah Bin Yusoff sebagai tokoh projek lisan kerana kami menganggap beliau bersesuaian untuk dijalankan kajian</p>
2.00 Petang	15 Disember 2023	<p>Kami menghubungi Encik Haji Hamzah Bin Yusoff bagi bertanyakan kesudian beliau untuk menjadi tokoh kajian dan ditemubual bagi projek lisan kami</p> <p>Beliau bersetuju untuk ditemubual pada hujung minggu iaitu pada hari Ahad, 24 Disember 2023</p>	<p>Menghubungi Encik Haji Hamzah Bin Yusoff melalui panggilan telefon bagi proses konfirmasi berkenaan kesudian beliau untuk ditemubual.</p> <p>Mengambil maklum persetujuan yang dibuat bersama tokoh terkini</p>

		<p>Beliau meminta kami untuk memberikan maklumat-maklumat berkenaan projek sejarah lisan kepadanya melalui platform <i>WhatsApp</i> sejurus selepas tamatnya perbualan</p> <p>Kami memaklumkan kepada Puan Nurulannisa berkenaan tokoh kami iaitu Encik Mahmod Mohd Nor yang tidak boleh ditemubual atas kesibukkan dan juga hal-hal lain. Kami juga memaklumkan kepada Puan Nurulannisa melalui platform <i>WhatsApp</i> berkenaan keputusan kami untuk menukar tokoh kajian di saat akhir atas alasan-alasan tertentu.</p>	<p>iaitu Encik Haji Hamzah Bin Yusoff</p> <p>Mengambil maklum permintaan tokoh dan segera memberikan maklumat yang berkenaan kepada beliau melalui platform <i>WhatsApp</i>.</p> <p>Puan Nurulannisa mengambil maklum berkenaan keadaan tersebut dan keputusan kami untuk menukar tokoh di saat akhir.</p>
	<p>16 Disember 2023 - 20 Disember 2023</p>	<p>Kami berbincang berkenaan soalan temu bual yang perlu diubah dan dibuat semula berdasarkan topik kajian terkini iaitu berkenaan pengamal seni budaya tradisional Kelantan .</p>	<p>Menyiapkan set soalan temu bual bagi sesi temu bual bersama tokoh terkini iaitu Encik Haji Hamzah Bin Yusoff</p>

10.00 Pagi	21 Disember 2023	Kami bertanyakan soalan-soalan asas kepada Encik Haji Hamzah Bin Yusoff bagi menyiapkan abstrak kajian yang perlu diubah atas sebab penukaran tokoh.	Menyiapkan abstrak kajian dengan berpandukan maklumat asas tokoh yang diperoleh daripada Encik Haji Hamzah Bin Yusoff
5.30 Petang	23 Disember 2023	Kami memberikan set soalan temu bual kepada Encik Haji Hamzah Bin Yusoff bagi rujukan beliau sebelum menjelang hari temu bual	Memberikan set soalan temu bual kepada Encik Haji Hamzah Bin Yusoff melalui platform <i>WhatsApp</i> .
10.30 Pagi - 1.00 Petang	24 Disember 2023	Temu bual bersama Encik Haji Hamzah Bin Yusoff di kediamannya di Kampung Banggol, Gelang Emas, 16350 Pasir Mas, Kelantan	Temu bual dijalankan kira-kira selama 1 jam 50 minit bersama Encik Haji Hamzah Bin Yusoff di kediamannya.
1.00 Petang	24 Disember 2023	Mengucapkan terima kasih kepada Encik Haji Hamzah Bin Yusoff atas kesudian beliau untuk sesi temu bual.	Mengungkapkan ucapan terima kasih sebelum berangkat pulang dengan menghadihkan beliau cenderahati daripada pihak kami sebagai tanda kenangan.

SOALAN TEMUBUAL

Kita akan mulakan soalan temubual ini dengan latar belakang peribadi terlebih dahulu.

A. Latar belakang

1. Bolehkah Pak Jah ceritakan tentang latar belakang diri Pak Jah?
2. Bolehkah Pak Jah kongsi siapa ibu bapa Pak Jah?
3. Bolehkah Pak Jah ceritakan tentang pasangan hidup Pak Jah?
4. Berapakah anak-anak Pak Jah?
5. sekarang apakah yang anak-anak Pak Jah lakukan.
6. bagaimana Pak Jah boleh bertemu dengan isteri tercinta Pak Jah?
7. Adakah ibu bapa Pak Jah juga antara seniman dalam bidang kebudayaan?
8. Bilakah Pak Jah dilahirkan?
9. Dimanakah lokasi kelahiran Pak Jah?
10. Di dalam keluarga, Pak Jah anak yang ke berapa?
11. Berapakah bilangan adik-beradik Pak Jah?
12. Bagaimanakah Pak Jah boleh terlibat dalam dunia seni kebudayaan?
13. Siapakah yang mendorong Pak Jah untuk terlibat dalam seni kebudayaan ini?
14. Seawal usia mana Pak Jah terlibat dalam seni kebudayaan?
15. Apakah alat pertama yang Pak Jah main dan belajar?
16. Siapakah adiguru pertama Pak Jah dalam mempelajari seni ini?
17. Dimanakah lokasi atau tempat pertama Pak Jah belajar alat-alat seni ini.
18. Pada awal pembelajaran Pak Jah dalam seni Tradisional Melayu Kelantan, berapakah masa yang diambil dalam sehari untuk Pak Jah mempelajarinya?
19. Berapakah jenis seni yang Pak Jah telah pelajari?
20. Apakah jenis seni yang paling diminati Pak Jah?

Seterusnya, kita beralih pula ke bahagian sejarah pendidikan

B. Sejarah Pendidikan

21. Bagaimana perkembangan pendidikan Pak Jah pada zaman kanak-kanak dari 7 tahun hingga 12 tahun?
22. Adakah Pak Jah memegang apa-apa jawatan sepanjang di sekolah rendah?
23. Apakah kejayaan besar yang pernah di capai Pak Jah pada sekolah rendah?
24. Apakah perbezaan antara suasana zaman sekolah rendah dengan zaman sekolah menengah?
25. Sewaktu zaman sekolah menengah apakah aliran yang diambil Pak Jah?
26. Adakah guru-guru Pak Jah menyokong usaha Pak Jah dalam seni ini sewaktu sekolah rendah?
27. Adakah di waktu zaman sekolah Pak Jah menyertai pertandingan-pertandingan seni tradisional Melayu Kelantan?
28. Adakah terdapat guru sekolah yang turut menceburi bidang seni seperti Pak Jah?
29. Adakah di sekolah rendah dan menengah Pak Jah mempunyai aliran seni tradisional?
30. Apakah pencapaian terbesar Pak Jah dalam seni ini sewaktu zaman persekolahan?

Baik, seterusnya kami akan bertanya berkaitan sejarah atau pengalaman Encik Hamzah

C. Sejarah/pengalaman

Sejarah

31. Bilakah Pak Jah menyedari bahawa Pak Jah tertarik dan berminat untuk belajar dalam seni Tradisional Melayu Kelantan?
32. Apa yang menyebabkan sebab dan faktor yang menyebabkan Pak Jah menceburi bidang seni ini?
33. Adakah di tempat pembelajaran Pak Jah mempunyai kelengkapan pembelajaran yang baik?
34. Adakah setiap seni yang Pak Jah pelajari mempunyai sejarah masing-masing, jika ada, sudikah Pak Jah kongsi?
35. Bolehkah Pak Jah kongsi dimana bermulanya sejarah seni tradisional Melayu Kelantan?

Tenaga Pengajar

36. Berapakah guru yang telah mengajar Pak Jah dalam seni ini?
37. Bolehkah Pak Jah sebutkan nama-nama guru yang telah mengajar Pak Jah dalam seni ini?
38. Apakah pengalaman bersama mereka yang masih lagi diingat oleh Pak Jah sehingga kini?
39. Siapakah guru yang menjadi kesukaan Pak Jah ketika itu dan mengapa beliau?
40. Siapakah guru yang digeruni Pak Jah dalam seni ini?
41. Apakah kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru Pak Jah dalam menyampaikan ilmu kesenian ini?
42. Apakah perbezaan yang dialami Pak Jah daripada sebelum terlibat dalam seni ini dengan kehidupan Pak Jah sekarang?

Kediaman

43. Dimanakah Pak Jah menetap sepanjang mempelajari seni Melayu tradisional Kelantan?
44. Bagaimanakah bentuk rupa kediaman Pak Jah sepanjang mempelajari seni ini?
45. Adakah kediaman ini terletak berhampiran rumah kedua ibu bapa Pak Jah?

Alatan seni tradisional Melayu Kelantan

46. Berapa banyakkah alatan seni yang Pak Jah pelajari?
47. Berapa banyakkah alatan seni yang Pak Jah telah buat dengan hasil tangan sendiri?
48. Adakah Pak Jah pernah melawat mana-mana muzium kesenian di Kelantan dan luar Kelantan?
49. Berapa bilangan tempat kesenian Melayu Tradisional Kelantan?
50. Bolehkah Pak Jah kongsi sejarah permulaan seni tradisional Melayu di Negeri Kelantan?

Pengalaman

51. Apakah pengalaman manis dan pahit Pak Jah sepanjang terlibat dalam dunia seni tradisional Melayu Kelantan.

52. Dari semua karya atau projek seni yang pernah Pak Jah hasilkan, apakah karya yang paling bermakna bagi Pak Jah dan mengapa?
53. Mengikut kepada pengalaman Pak Jah, alatan seni yang manakah bagi Pak Jah mengambil masa yang cukup lama untuk menyiapkannya?

Seterusnya, kita beralih pula kepada soalan mengenai pengalaman kerjaya.

D. Pengalaman Kerjaya

Soalan sebelum Wayang Kulit

54. Adakah encik mempunyai kerjaya lain sebelum menceburi bidang ini?
55. Berapakah umur encik ketika itu?
56. Mengapakah encik memilih untuk bersara dari pekerjaan yang sebelum ini?
57. Adakah encik mempunyai sebarang kenangan manis ketika bekerja di situ?
58. Apakah jawatan yang encik sandang ketika bekerja di sana?

Soalan mengenai Wayang Kulit

59. Bilakah Encik mula membuat Wayang Kulit?
60. Adakah Encik mempunyai minat dalam bidang ini?
61. Kenapa Encik memilih Wayang Kulit sebagai kerjaya?
62. Dalam setahun berapa Wayang Kulit yang encik boleh hasilkan?
63. Berapa banyak wayang kulit yang Encik baiki?
64. Biasanya siapa pelanggan Encik?
65. Wayang kulit biasanya dilakukan bila?
66. Adakah menghias wayang kulit ini mengikut cita rasa encik sendiri atau mengikut permintaan pelanggan?
67. Kebiasaannya, corak apa yang diukir?
68. Antara banyak-banyak corak, yang mana sentiasa menjadi pilihan pelanggan?
69. Bahan dan alat apa yang digunakan untuk menghasilkan wayang kulit?
70. Kebiasaannya bahan apa yang digunakan untuk menghias wayang kulit?
71. Satu wayang kulit mengambil masa berapa lama untuk disiapkan?

72. Selama encik menghias wayang kulit, ukiran mana yang encik rasa mencabar untuk dibuat?
73. Berapa harga untuk satu wayang kulit yang dihasilkan oleh encik?
74. Adakah Encik memiliki pekerja? Jika ada, berapakah usia mereka?
75. Sepanjang Encik membuat wayang kulit, pernah ke orang luar datang untuk belajar tentang cara membuat wayang kulit ini?
76. Kejayaan yang dicapai
77. Cabaran yang dihadapi semasa bekerja?
78. Anugerah yang diperolehi
79. Apakah Pengalaman pahit dan manis semasa bekerja?

Bengkel Wayang Kulit

80. Bilakah bengkel Encik dibina?
81. Adakah encik menerima kunjungan atau lawatan dari pihak luar ke bengkel encik?
82. Berapakah kos yang encik keluarkan untuk membina bengkel ini?
83. Adakah encik membuat sembarangan pinjaman dari pihak bank untuk membina bengkel encik?
84. Adakah Encik membuka sebarang kursus untuk menyertai cara membuat wayang untuk orang ramai?
85. Berapakah kursus yang encik tawarkan di bengkel encik
86. Berapakah harga yang encik tetapkan untuk menyertai kursus yang encik tawarkan di bengkel?
87. Berapakah jumlah pelajar yang menyertai kursus di bengkel encik sekarang?
88. Tahun bilakah encik membuka peluang kepada masyarakat untuk belajar seni Wayang Kulit
89. Berapakah anggaran umur peserta atau pelajar yang encik terima untuk mengikuti kursus di bengkel encik?
90. Bagaimanakah encik membahagikan para peserta dalam setiap kursus?
91. Adakah encik mempunyai tenaga pengajar yang lain?
92. Adakah encik mengadakan kelas bengkel encik setiap hari minggu atau pada hujung minggu sahaja?

93. Berapakah tempoh durasi kelas dalam bilik encik?
94. Adakah encik membuat kelas tersebut di bengkel ataupun di tempat lain?
95. Adakah bengkel encik menyediakan alat untuk membuat wayang kulit?
96. Ataupun pelajar pelajar perlu menyediakannya dengan tanggungan sendiri?
97. Pada tahun bilakah encik membuka bengkel ini?
98. Bagaimanakah perasaan encik sekiranya ada pelajar encik yang mengikuti jejak langkah encik sebagai seorang pembuat wayang kulit?
99. Adakah encik yakin dan percaya bahawa hasil wayang kulit yang dihasilkan oleh pelajar encik dapat dimasukkan dalam pasaran setanding dengan petanding yang sudah berpengalaman?
100. Mengapakah encik memilih lokasi untuk mendirikan bengkel di sini?
101. Apakah ciri ciri strategik yang ada disini sehinggakan encik memilih lokasi ini sebagai lokasi bengkel encik?

E. Sumbangan


102. Dari awal hingga sekarang boleh kami tahu apakah sumbangan Encik yang pernah sumbang kepada negeri atau negara?
103. Apakah pencapaian Encik setakat ini?
104. Adakah encik terlibat dalam sebarang persatuan mengenai Wayang Kulit ini?
105. Adakah encik terlibat aktiviti penghasilan Wayang Kulit di peringkat kebangsaan atau antarabangsa?
106. Adakah encik pernah menyertai sebarang pertandingan yang melibatkan Wayang Kulit?
107. Adakah encik masih aktif bergiat dalam menyertai sebarang pertandingan sehingga kini?
108. Apakah pencapaian tertinggi encik pernah kecapai ketika menyertai pertandingan?
109. Berapakah harga sobek perahu termahal yang pernah encik hasilkan?

Akhir sekali kita akan beralih kepada soalan mengenai nasihat dan harapan

F. Nasihat Dan Harapan

110. Apakah harapan encik terhadap Wayang Kulit pada masa akan datang?
111. Adakah encik percaya bahawa golongan belia akan berminat tentang Wayang Kulit ini
112. Adakah encik berpuas hati dengan hasil Wayang Kulit yang dihasilkan oleh para pelajar encik?
113. Adakah encik masih mempunyai impian yang masih belum dilaksanakan sebagai seorang pembuat Wayang Kulit?
114. Sekiranya encik sudah bersara pada masa hadapan, adakah encik masih berminat untuk meneruskan bengkel sekiranya terdapat golongan remaja yang ingin menceburi Seni Wayang Kulit ini?
115. Mengapakah encik berasa bahawa seni Wayang Kulit ini sangat penting untuk diteruskan oleh generasi muda pada zaman kini supaya ianya tak lapuk ditelan zaman?
116. Apakah usaha yang encik lakukan untuk menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang seni Wayang Kulit?
117. Apakah harapan encik terhadap bengkel ini sekiranya encik telah bersara pada masa akan datang?
118. Sebelum menamatkan sesi temu bual ini, adakah terdapat sebarang kata kata dari encik terhadap golongan muda mengenai Wayang Kulit ini?
119. Apakah harapan Encik kepada orang luar sana yang tak pernah tahu tentang Wayang Kulit?
120. Apakah harapan yang masih belum tercapai

LAMPIRAN 4


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

2023/01/01
2023/01/01

..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah dia
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walau bagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu dsemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....

.....

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik
dan Media
Universiti Teknologi MARA (UITM)

Gambar 1: Surat Perjanjian

LAMPIRAN 5



Gambar 1: Sesi temu ramah bersama En Hamzah bin Yussof

LAMPIRAN 6



Gambar 2: En Hamzah Yussof menerima cenderahati tanda penghargaan

LAMPIRAN 7




Gambar 3: En Hamzah selaku pemuzik Wayang Kulit

LAMPIRAN 8



Gambar 4: Bengkel kerja En Hamzah Yussof

LAMPIRAN 9



Gambar 5: Sijil Anugerah En Hamzah Yusoff daripada Pejabat Kebudayaan Negeri Kelantan

INDEKS

INDEKS

A

Alat musik, 1

B

Baik 10,12,14,15

Bunyi, 2,4,5,6,7,8,9,13,15

C

Cabaran, 19,43

Cantik, 17

D

Dikir, 2,6,13,15,18,20,23

Dosa, 17

G

Gelang, 2,3,10,23,29,38

Gendang, 7,8,9,10,11,12,15,30

H

Harapan, 22,23,24,25,31,45,46

Hobi, 17

I

Impian, 24,45

Ilmu, 11,21,22,26,41

Irama,11

Itali, 23

J

Jangan, 23

Jiwa, 12,16

Juga,3,5,6,8,14,15,17,18,19,20,23,24,25,36,38,39

K

Kampung, 2,6,10,14,16,18,38

Kayu, 16

Kebudayaan, 6,8,9,10,13,18,23,36,37,39

Kulit, 2,6,12,13,15,16,17,18,19,24,25,42,43,44

M

Membaiki, 35

Minat, 6,16,17,18,24 25,30,40,42,45

N

Niat, 8,21

P

Pengajar, 41,44

Pengalaman, 2,15,20,26,40,41,42,43,44

Persembahan, 15,18,19,23,24

Pertandingan, 11,14,40,45

Pok Joh, 2,3,4,,5,7,8,10,11,13,14,15,26,30,34,
35,36,37,38,39,40

R

Rebana, 6,20,23

Rotan, 7

S

Sabar 4,30

Sekolah, 3,9,13,14,15,23,40

Seni, 2,3,6,8,11,12,13,14,15,22,23,25,,29,31,33

Serunai, 7,8,9,10,11,12

Sumbangan, 23,26,31,44

Silat, 6,7,8,10,12,13,14,30

Singapura, 4

T

Tangan, 5, 9,14,41

Tarian, 10

Tradisional, 14,16,17,20,21,22,23,24,25,26,38,40,41,42

U

Universiti, 5

Urus, 23

W

Wajib, 7,11